



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.90 / 2018

PEMENDEKKAN TEMPOH PERKHIDMATAN TIMBALAN PENERUSI DAN AHLI-AHLI SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia ingin memaklumkan bahawa Timbalan Pengerusi SPR, **Tan Sri Othman bin Haji Mahmood** dan Ahli-Ahli Suruhanjaya, **Dato' Haji Md Yusop bin Haji Mansur, Dato' Haji Abdul Aziz bin Khalidin, Dato Haji Sulaiman Narawi dan Dato' Leo Chong Cheong** akan memendekkan tempoh perkhidmatan mereka berkuatkuasa pada **1 Januari 2019** selaras dengan Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun Ahli Suruhanjaya, **Dato' Bala Singam A/L Karupiah** masih meneruskan perkhidmatan beliau.

Keputusan pemendekkan tempoh perkhidmatan ini telah dicapai dan dipersetujui oleh mereka yang berkenaan dalam satu perbincangan yang telah diadakan pada 15 Oktober 2018, iaitu sebelum berita mengenai penubuhan tribunal khas disiarkan oleh pihak media pada 17 Oktober 2018.

Sehubungan dengan itu, surat bagi memohon perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk tujuan pemendekkan perkhidmatan itu telah dikemukakan kepada pihak Istana Negara pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 18 Oktober 2018 / 9 Safar 1440H